

|            |                |         |          |
|------------|----------------|---------|----------|
| TARIKH     | 29 / 04 / 2014 | SEKSYEN | NASIONAL |
| MUKA SURAT | 12             | RUANGAN |          |

# MERS-CoV BUAT DUNIA RESAH

» 10 kematian,  
16 kes terbaharu  
dikesan dalam  
tempoh 24 jam

■ Riyadh

**K**etika pihak berkuasa Arab Saudi berusaha mengurangkan kebimbangan penduduk mengenai Sindrom Pernafasan Asia Barat - Virus Korona (MERS-CoV), 10 kematian dilaporkan dalam tempoh 24 jam kelmarin.

Ini menjadikan 39 kematian dilaporkan sepanjang bulan ini akibat serangan virus korona, iaitu hampir satu pertiga daripada 102 kematian yang dilaporkan sejak kes itu dikesan pada April 2009, sekali gus mencetuskan kebimbangan orang ramai.

Menurut Kementerian Kesihatan Arab Saudi, kes berkenaan masing-masing membabitkan seorang bayi berusia sembilan bulan dari Riyadh, wanita Arab Saudi berusia 65 tahun, wanita Indonesia berumur 61 tahun dan lelaki Arab Saudi berusia 55 tahun dari Jeddah.

Masing-masing seorang warga asing di Jeddah, wanita berusia 63 tahun yang mati pada Sabtu lalu di

Jeddah dan seorang lelaki berusia 78 tahun yang meninggal dunia di Riyadh.

Tiga kes lagi membabitkan rakyat negara itu di Riyadh.

"Selain itu, 16 kes baharu disahkan iaitu lapan di Jeddah, enam di Tabuk dan dua di Riyadh," kata Kementerian Kesihatan.

#### Kes babitkan tiga doktor

Menurut Kementerian Kesihatan, kes terbaharu yang disahkan itu membabitkan tiga doktor, masing-masing seorang warga Arab Saudi, Mesir dan Syria, selain enam jururawat warga Filipina.

"Jumlah keseluruhan kes sejak virus itu kali pertama dikesan di Arab Saudi mencecah 339 dan yang tertinggi di dunia," kata kementerian itu.

Kementerian Kesihatan turut menubuhkan empat pusat perubatan khas di Najran, selain tiga di Jeddah, Riyadh dan Dammam.

Menteri Buruh dan Pemangku Menteri Kesihatan, Adel Fakeih, mengarahkan Jabatan Kesihatan di negara itu memperuntukkan sebuah hospital khusus bagi merawat kes MERS-CoV.

Di Najran, kementerian itu mengenal pasti Hospital Raja Khaled untuk tujuan berkenaan.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Khaled Al-Faisal, menggesa pen-

gurusan sekolah supaya mengambil langkah berjaga-jaga untuk menghalang virus terbabit daripada merebak walaupun belum ada kes MERS-CoV membabitkan pelajar di negara itu.

Dalam pada itu, bilangan penduduk Arab Saudi dan warga asing yang mengunjungi hospital semakin berkurangan berikutan laporan kes membabitkan doktor dan jururawat akibat MERS-CoV.

Penduduk, Umm Muntaha berkata, dia memutuskan anak perempuannya yang berusia enam tahun tidak ke sekolah.

"Mencegah lebih baik daripada merawat," katanya.

Warga India, A Aziz berkata, dia turut berhenti menghantar anaknya ke sekolah.

"Jika cara itu selamat, saya tidak kisah," katanya.

Sekolah masih dibuka walaupun khabar angin mengatakan ia mungkin ditutup tetapi kebanyakan ibu bapa diminta membekalkan anak mereka dengan penutup mulut dan hidung serta pembasmi kuman.

Seorang pegawai kementerian juga memaklumkan pihaknya belum mengambil sebarang langkah pencegahan tambahan di lapangan terbang.

AGENSI

terb  
di Jedd  
Tabuk dan  
Riyadh